

Media item**Full Text****Kerajaan kemaskini kaedah pengesanan kontak rapat**

Harakah, Malaysia by No author available
General News - Page 0 - 386 words - ID my0045988450 - Photo: No -
Type: - Size: 384.00cm²

15 Nov 2021

Ke raja an kemaskini kaedah pengesanan kontak rapat KUALA LUMPUR: Kerajaan berusaha menambahbaik kaedah pengesanan kontak rapat (contact tracing) wabak Covid-19 melalui penerapan teknologi. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Seri Dr Adham Baba membentang perkembangan itu pada mesyuarat Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang dipengerusikan Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini. Muhyiddin berkata, usaha penambahbaik pengesanan kontak tersebut penting bagi mengawal penyebaran dan mengelakkan gelombang berulang terutamanya ketika negara dalam proses peralihan ke fasa endemik. "Alhamdullilah, dengan kadar vaksinasi dan kepatuhan SOP yang tinggi, trend jangkitan Covid-19 terus menunjukkan penurunan." Peralihan fasa pemulihan negara berjalan dengan baik di mana lima negeri beralih ke Fasa 4 pada 8 November lepas di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN), katanya pada kenyataan di laman sosialnya. Pada mesyuarat itu juga diadakan taklimat disampaikan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berhubung status terkini Covid-19. Selain itu meneliti pembentangan Ketua Perang-Muhyidin Yassin mempengarusikan mesyuarat kelima Majlis pemulihian negara imknj. kawan, Dato' Seri Dr Mohd Uzir Mahaidin mengenai prestasi pertumbuhan ekonomi terkini mengikut sektor serta subsektor. "Pembentangan itu akan membantu MPN untuk mengenai pasti sektor dan subsektor yang perlu diberikan fokus dan keutamaan berdasarkan data dan statistik dalam usaha pemulihan negara." Ketika saya turun padang, keluhan yang kerap kedengaran dalam kalangan pengusaha ialah isu kekurangan tenaga kerja terutama pekerja asing," ujarnya. Bagaimanapun Ketua Pengarah Imigresen, Dato' Indera Khairul Dzaimee Daud membentangkan laporan status pelaksanaan Pelan Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) dan Rekalibrasi Pulang (RP). Menurut Muhyiddin, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia membuat keputusan memberi pengecualian syarat kuota dan kebenaran kepada semua sektor termasuk subsektor perkhidmatan. Kata beliau pendaftaran RP juga dilanjutkan kepada 30 Jun 2022 dan kelonggaran itu diharap dapat membantu para pengusaha industri terutamanya sektor PKS. Katanya juga MPN meneliti laporan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berhubung langkah pemulihan industri pelancongan yang merupakan antara sektor yang terjejas teruk akibat pandemik. "Pembukaan semula sektor pelancongan domestik yang bermula dengan gelembung hijau Pulau Langkawi pada 16 September lalu memberi kesan positif kepada industri pelancongan negara. "Insya-Allah, satu projek rintis gelembung hijau di Pulau Langkawi bagi pelancong asing dari luar negara akan bermula pada 15 November ini," ujarnya. MPN turut bersetuju supaya pembukaan semula sempadan negara untuk pelancong asing dilakukan selewat-lewatnya 1 Januari 2022 bagi menggiatkan lagi sektor pelancongan negara. Muhyiddin juga berkata, MPN akan terus menyokong usaha kerajaan bagi mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang diunjurkan iaitu antara 5.5 hingga 6.5 peratus tahun hadapan.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.

Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.

